

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Rabiul Awwal 1446H/September 2024

ACIS

Meneladani Rasulullah SAW

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Mencontohi Rasulullah SAW Sebagai Tokoh Perpaduan



Oleh:

Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Rasulullah SAW adalah contoh seorang pemimpin sama ada dari sudut spiritual sebagai seorang imam solat mahupun kepimpinan dalam aspek politik sebagai ketua negara. Baginda adalah utusan Allah SWT yang membawa risalah Islam kepada umat manusia, mengajarkan tauhid (keesaan Allah) dan memberikan petunjuk tentang bagaimana menjalani kehidupan yang benar sesuai dengan ajaran Islam.

Terdapat banyak contoh yang menunjukkan ciri-ciri seorang pemimpin yang berkarisma terutama sekali apabila baginda bergaul dan bermuamalah dengan para sahabat. Sebagai contoh dalam pembinaan Masjid Quba yang merupakan masjid pertama yang dibangun oleh Rasulullah SAW dan para sahabat di Madinah. Pembangunan Masjid Quba menjadi simbol persatuan, kerja sama, dan semangat gotong royong di kalangan umat Islam.

Ketika Rasulullah SAW tiba di Quba, sebuah daerah di luar Madinah, baginda memutuskan untuk mendirikan sebuah masjid sebagai tempat ibadah dan pusat kegiatan umat. Rasulullah SAW sendiri ikut serta dalam proses pembangunan masjid ini. Beliau bersama para sahabat bergotong royong mengangkut batu-batu dan bahan bangunan lainnya. Semua orang, tanpa memandang status atau kedudukan, turut serta dalam pembangunan masjid ini.

Penglibatan Rasulullah SAW secara langsung dalam pembangunan Masjid Quba menunjukkan keteladanan beliau sebagai pemimpin yang tidak hanya memberi perintah, tetapi juga terjun langsung dalam secara fizikal bersama umatnya. Hal ini juga menunjukkan betapa pentingnya semangat kerjasama dalam Islam. Setiap individu, tanpa memandang pangkat atau kekayaan, memiliki peranan dalam membangunkan masyarakat.

Pembangunan Masjid Quba adalah salah satu peristiwa bersejarah yang menunjukkan betapa kuatnya semangat kesatuan dan kebersamaan di kalangan umat Islam pada masa awal Islam, yang dipelopori oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Begitu juga dengan pembangunan Masjid Nabawi di Madinah yang turut melambangkan semangat kebersamaan dan kerjasama antara Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Masjid ini dibina sebagai pusat kegiatan keagamaan, sosial, dan politik bagi umat Islam. Baginda sendiri ikut serta dalam pembangunan Masjid Nabawi. Beliau bersama para sahabat bergotong royong mengangkut batu bata, kayu, dan bahan-bahan bangunan lainnya. Dalam proses ini, Rasulullah SAW tidak hanya memberikan arahan, tetapi juga terlibat langsung,

mengangkat bahan-bahan bangunan bersama para sahabat, menunjukkan bahwa beliau adalah pemimpin yang bersedia bekerja bersama-sama umatnya.

Para sahabat juga ikut serta dengan penuh semangat. Setiap orang berusaha memberikan yang terbaik meliputi tenaga dan masa. Kisah pembangunan Masjid Nabawi ini juga menggambarkan semangat persaudaraan di antara para sahabat, di mana kaum Muhajirin (orang-orang yang berhijrah dari Mekah) dan kaum Ansar (penduduk asal Madinah) bekerja sama dengan ikhlas untuk mendirikan masjid tersebut.

Pembangunan Masjid Nabawi mencerminkan nilai-nilai kerja sama, kesederhanaan, dan perpaduan dalam Islam. Rasulullah SAW melalui tindakan ini mengajarkan pentingnya gotong royong, di mana setiap individu memiliki peranan penting dalam membangun masyarakat yang adil dan harmoni. Masjid Nabawi hingga kini tetap menjadi salah satu tempat paling suci dalam Islam, selain Masjidil Haram di Mekkah, dan menjadi simbol keagungan Islam serta kebersamaan umat.

Sebagai pemimpin, Rasulullah SAW berjaya menyatukan masyarakat yang terdiri dari berbagai suku, agama, dan kelompok sosial. Kepemimpinan beliau berteraskan prinsip keadilan, kasih sayang, dan kebijaksanaan. Baginda menerapkan hukum dengan adil tanpa memandang pangkat dan keturunan, mengutamakan musyawarah dalam mengambil keputusan, dan berupaya menyatukan sesama umat Islam. Baginda memperlakukan semua orang dengan adil dan tidak memandang status sosial, kekayaan, atau asal-usul. Beliau juga dikenal sebagai pemimpin yang sangat memperhatikan kesejahteraan rakyatnya, baik dari segi material maupun spiritual.

Dengan demikian, Rasulullah SAW sebagai pemimpin tidak hanya berhasil memimpin umatnya dalam hal keagamaan, tetapi juga dalam urusan duniawi, menciptakan suatu masyarakat yang adil, sejahtera, dan berlandaskan pada nilai-nilai Islam yang luhur.

Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah untuk menjamin kerahmatan sekalian alam. Hukum hakam dan syariatnya bertujuan menyatukan hati manusia dan menghimpunkannya dalam satu barisan, mencegah dari



dari berlakunya perpecahan dan persengketaan. Matlamat akhirnya nanti, terbentuklah masyarakat yang ketundukannya hanya kepada Allah, cita-citanya meninggikan kalimahNya jua, yang hak ditegakkan, kebaikan dilaksanakan dan kemungkaran dijauhan.

Namun perlu diberi penekanan, setinggi manapun cita-cita dan semurni manapun tujuan, tidak dapat tidak, usaha menegakkan kalimah Allah adalah kerja jamaie atau berkumpulan dan bersama, bukannya mudah untuk dapat dicapai secara bersendirian.

Hubungan sesama masyarakat Islam diikat melalui ukhuwah Islamiyyah atau persaudaraan Islam. Walaupun keturunan berbeza, tahap kekayaan tidak sama, bahasa dan warna kulit yang pelbagai, mereka diikat dengan satu ikatan Akidah. Firman Allah SWT yang bermaksud *“sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu, dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”* (Surah al-Hujurat: 10).

Persaudaraan ini bukan sekadar hubungan biasa setakat bertegur sapa antara satu sama lain, atau bertukar-tukar juadah di bulan Ramadhan semata-mata, tetapi menuntut kepada pelaksanaan beberapa hak kerana Rasulullah SAW telah bersabda maksudnya “perumpamaan orang mukmin itu dari sudut kasih sayang adalah seumpama satu jasad yang apabila sakit satu anggota badan, maka seluruh anggota lainnya akan turut merasa sakit dan berjaga malam”.

Dalam menjaga ikatan persaudaraan ini, Islam menyusun atur beberapa adab bagi memastikan ukhuwwah Islamiyyah itu selari dengan tuntutan syarak. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud *“seorang muslim itu adalah bersaudara dengan seorang muslim yang lain, janganlah ia menzalimi dan menganiaya serta mencela saudara muslimnya. Setiap muslim dengan muslim yang lain adalah haram darahnya ditumpahkan, harta dan maruahnya tidak boleh dimusnahkan”*.

Objektif utama persaudaraan ini ialah untuk mengelakkan perasaan perkauman sempit atau assabiyyah di kalangan orang-orang Arab. Apabila mereka dipersaudarakan, tidaklah lagi pembelaan bangsa Arab tertumpu atas nama kaum, tetapi lebih utama, ikatan sesama Islam itulah yang diutamakan. Hasilnya, persengketaan, perbalahan dan peperangan antara kaum Muslimin dapat dielakkan dan perpaduan bangsa Arab dapat dijalin dan dikukuhkan. Kesan perpaduan inilah, semua penduduk Madinah bersatu padu membangunkan negara yang dibina melalui tapak kukuh persaudaraan

Satu perlembagaan yang dikenali sebagai Sahifah Madinah telah digubal yang memabitkan semua masyarakat Madinah samada orang Islam mahupun golongan bukan Islam terutama orang-orang Yahudi. Perlembagaan Islam terawal di dunia ini mengandungi 47 fasal iaitu 23 fasal menyentuh hubungan sesama orang Islam Muahajirin Ansar dan 24 fasal berkaitan dengan orang Islam dan bukan Islam.

Melalui piagam inilah ditekankan bahawa orang Yahudi dan orang Islam dianggap sebagai satu ummah, mereka juga adalah warganegara seperti orang Islam, setiap warganegara bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara, kebebasan bergerak, melaksanakan kegiatan, mengumpulkan harta di Madinah, setiap rakyat dikehendaki menolong orang lain yang berada dalam kesusahan tanpa mengira latar belakang suku, kepentingan hubungan kejiwaan, larangan mengganggu kebebasan

agama penganut lain, tanggungjawab kerajaan melindungi golongan bukan Islam dan sama-sama mempertahankan kedamaian dalam negara.

Kontrak sosial ini mampu ditaati dan dipatuhi oleh semua ahli masyarakat tanpa membezakan suku, kaum, bangsa dan agama. Semua berganding bahu mentaatinya sebagai langkah membentuk kesatuan ummah dan perpaduan kaum di Madinah.

Jelas bahawa perpaduan dalam Islam bukan sekadar hubungan baik sesama orang Islam malah kepada kaum bukan Islam juga. Sejarah mencatatkan masyarakat Yahudi dan Kristian hidup tenang dan aman di Madinah kerana hak mereka tidak dicerobohi. Kesan keadilan Islam inilah, kelompok Islam yang awalnya minoriti menjadi majoriti apabila berbondong-bondong orang bukan Islam memeluk Islam kerana tertarik hati dengan kebaikan yang ditonjolkan oleh Islam yang terserlah melalui perlakuan penganutnya.

Bagi masyarakat bukan Islam, mereka juga ada tanggungjawab yang mesti dilaksanakan terhadap kaum muslimin dan pemerintah Islam yang melindungi mereka. Sebagai Ahli Zimmah (golongan bukan Islam) dalam sebuah pemerintahan Islam, pemimpin kerajaan tersebut mestilah memberikan keadilan dan hak sama rata selama mana mereka patuh kepada negara dan akan dikenakan hukuman selaras dengan kesalahan yang dilakukan tanpa pengecualian.

Atas dasar itulah beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia hari ini menetapkan beberapa peruntukan seperti hak kebebasan beragama dan hak sama rata sebagai lambang ketulusan pembahagian hak di antara rakyat sepertimana yang terdapat dalam Piagam Madinah.

Kecemerlangan Rasulullah SAW yang diikuti kemudiannya oleh generasi Khulafa al-Rasyidin menggambarkan kaedah dalam memupuk perpaduan di kalangan masyarakat. Ini amat bertepatan dengan Firman Allah SWT yang bermaksud *“demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah s.a.w. contoh ikutan yang baik”* (Surah al-Ahzab: 21).

Maka, untuk memupuk perpaduan dalam zaman yang serba moden dan canggih ini, bukalah lipatan sejarah untuk melihat bagaimanakah pelaksanaan generasi terdahulu dalam menjalinkan hubungan kaum. Ini adalah kerana generasi yang dibentuk oleh Rasulullah SAW adalah pembina tamadun yang unggul. Generasi itu adalah generasi mithali atau contoh piawai bagi generasi yang berikutnya.

Perbezaan pandangan perlu ditangani dengan cara yang penuh berhikmah, ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak. Sering didakwa, perbezaan pandangan membawa perpecahan, pandangan ini perlu diperhalusi dengan mengambil ibrah dan pengalaman Rasulullah dalam



menangani pendapat yang berbeza di kalangan para sahabat.

Menurut al-Qaradawi dalam bukunya *Fiqh Daulah* dalam Perspektif Al-Quran dan al-Sunah pelbagai pandangan tidak selamanya dibenci asalkan ia dalam ruang lingkup ijtihad. Para sahabat sendiri sering tidak sependapat, sebagai contoh perselisihan dalam masalah solat Asar di Perkampungan Bani Quraizah, Baginda tidak menyalahkan atau mencela para sahabat yang berselisih faham dalam masalah tersebut. Asal jangan berbeza pandangan dalam perkara dasar, itulah yang patut diberi perhatian.

Apa pun keadaannya, berbaik sangka, berlapang dada dan mengambil sikap syura adalah satu pendekatan yang sangat terpuji. Jauhkan dari melemparkan kata-kata kesat, mengkafirkan pihak lain, menuduh dengan perkataan dosa dan balasan neraka adalah kata-kata yang perlu dijauhi. Setiap individu mesti mengambil sikap saling memberi nasihat kepada kebenaran dan kesabaran, mengambil pendekatan penuh hikmah, menunjukkan suri teladan yang baik dan jika ingin berdebat pun, berbahaslah dengan cara yang baik.

Dalam hidup bermasyarakat juga, Nabi SAW mengajar beberapa amalan lain yang amat perlu dicontohi. Ini bersandarkan kepada sebuah hadith yang bermaksud *"hak seorang muslim terhadap muslim lainnya ada 6 perkara iaitu apabila bertemu, berilah salam kepadanya, apabila dipanggil terimalah jemputannya, apabila diminta beri nasihat, nasihatkanlah, apabila ia bersin dan mengucapkan alhamdulillah, maka jawablah yarhamkallah, apabila ia sakit maka ziarahilah dan apabila ia meninggal dunia, hantarlah jenazahnya sampai ke kubur"* (riwayat Muslim).

Dalam konteks yang lebih kecil, kedudukan masyarakat yang dibina melalui ikatan kejiwaan dan hak bertamu juga ada beberapa etika yang perlu dipatuhi. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud *"barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia berbicara dengan baik atau lebih baik ia diam (dalam hal yang tidak berkaitan), barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia menghormati jiran tetangganya, dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia menghormati tetamunya"* (riwayat Muslim).

Apabila sifat-sifat ini dimiliki oleh setiap individu muslim, sudah pasti kehidupan manusia akan lebih aman dan jauh dari sebarang perpecahan dan perbalahan. Sesungguhnya masyarakat yang benar-benar menjunjung segala peraturan dan hukum hakam Allah adalah asas dalam pembentukan sebuah masyarakat yang bertamadun. Tiada apa yang boleh dibanggakan bagi sebuah masyarakat yang maju dan menjunjung tinggi peradaban sains dan teknologi jika ruhaniah anggotanya kosong tanpa penekanan akhlak dan pengisian keagamaan.

